Kempen "Menang Emas Setiap Hari Edisi GXVersary" FlexiCredit Soalan Lazim
Tarikh berkuatkuasa: 1 November 2026

Soalan	Jawapan
Apakah kempen ini?	**Kempen "Menang Emas Setiap Hari Edisi GXVersary" FlexiCredit** dianjurkan oleh GX Bank Berhad, dan akan berlangsung dari 1 November 2026 hingga 31 Disember 2026 (termasuk kedua-dua tarikh), atau tempoh lain yang ditentukan oleh GXBank dengan notis terlebih dahulu **("Tempoh Kempen").**
Adakah saya layak untuk menyertai kempen ini?	Kempen ini dibuka kepada semua pelanggan individu GXBank yang mempunyai limit/akaun FlexiCredit yang diluluskan dan diaktifkan ("**Had FlexiCredit**") yang diakses melalui aplikasi mudah alih GXBank ("**Aplikasi GX**") atau platform Touch 'n Go eWallet ("**TnGD**") ("Pelanggan yang Layak"). • **Pengguna Aplikasi GX:** Diwajibkan untuk mengekalkan akaun simpanan GXBank ("Akaun GX") yang aktif sepanjang Tempoh Kempen. • **Pengguna TnGD:** Tidak diwajibkan untuk mengekalkan Akaun GX. Individu-individu berikut adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini: (a) pemegang Akaun GX atau akaun FlexiCredit yang telah ditamatkan, dibekukan, ditutup, digantung, dianggap tertunggak atau didapati diuruskan secara tidak memuaskan sebagaimana yang ditentukan oleh GXBank semasa Tempoh Kempen; (b) pelanggan yang telah melakukan atau disyaki oleh GXBank melakukan apa-apa perbuatan penggelapan atau penyalahgunaan secara penipuan reewang atau harta lain, menyalahi undang-undang atau salah berkenaan dengan mana-mana produk atau perkhidmatan GXBank; (c) individu yang tidak sihat dari segi mental, meninggal dunia, diisytiharkan muflis atau mempunyai apa-apa tindakan undang-undang yang dimulakan terhadap mereka; (d) individu di bawah umur 21 tahun atau di atas umur 64 tahun; (e) individu yang menganggur, suri rumah/suami rumah, pelajar atau pesara; (f) individu dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM1,500; dan/atau (g) para pelanggan yang merupakan Pekerja Sepenuh Masa (FTE) GXBank.
Apakah ganjaran kempen dan bagaimanakah saya boleh memperolehnya?	Ganjaran Kempen ini merangkumi: • ganjaran harian satu (1) keping syiling emas fizikal satu (1) gram, yang diberikan kepada Pelanggan yang Layak yang dipilih oleh GXBank pada setiap hari dalam Tempoh Kempen; • ganjaran GXversary Gold Rush yang merangkumi satu (1) keping jongkong emas sepuluh (10) gram dan satu (1) atau dua (2) keping syiling emas satu (1) gram, (yang secara kolektif dirujuk sebagai "**Pakej Kombo Ganjaran Gold Rush**"), diberikan kepada satu (1) Pelanggan yang Layak yang dipilih oleh GXBank daripada pengeluaran baharu yang dilakukan semasa setiap Tempoh Promosi yang berkaitan. Pelanggan Terpilih akan diumumkan di media sosial dan laman web GXBank pada minggu berikutnya. Untuk layak bagi cabutan Ganjaran Kempen dan mendapatkan Peluang penyertaan anda (**"Peluang"**), anda mesti memenuhi kriteria di bawah: • **Pengeluaran Pinjaman Baharu:** Setiap pengeluaran pinjaman RM1 melalui akaun FlexiCredit anda semasa Tempoh Kempen = 2x Peluang diperuntukkan. Peluang dikira setiap hari berdasarkan amaun pengeluaran pinjaman baharu.

- **Pengeluaran Pinjaman Baharu semasa Tempoh Promosi "GXVersary Gold Rush" :** Pelanggan yang membuat pengeluaran pinjaman baharu semasa Tempoh Promosi yang dinyatakan di bawah berpeluang dipilih oleh GXBank untuk Pakej Kombo Ganjaran Gold Rush:

Kempen Promosi	**Tempoh Promosi**	**Pakej Kombo Ganjaran Gold Rush**
GXVersary November Gold Rush	5 November sehingga 15 November 2026	1 keping jongkong emas sepuluh (10) gram dan 1 keping syiling emas satu (1) gram (Hanya 1 pemenang akan dipilih untuk Pakej Kombo Ganjaran Gold Rush ini dalam Tempoh Promosi ini)
GXVersary Disember Gold Rush	5 Disember sehingga 15 Disember 2026	1 keping jongkong emas sepuluh (10) gram dan 2 keping syiling emas satu (1) gram (Hanya 1 pemenang akan dipilih untuk Pakej Kombo Ganjaran Gold Rush ini dalam Tempoh Promosi ini)

Pelanggan yang Layak dibenarkan untuk menyertai Kempen ini berulang kali sepanjang Tempoh Kempen (cth., dalam minggu yang sama atau pada minggu-minggu alternatif), dengan syarat anda mengekalkan baki aktif yang memenuhi kriteria pengekstrakan pada masa cabutan dilakukan.

Pelanggan Terpilih akan diumumkan di media sosial dan laman web GXBank pada minggu berikutnya.

Ilustrasi Kelayakan Ganjaran Kempen:

Senario	**Kelayakan Ganjaran Kempen**
Pelanggan A membuat pengeluaran sebanyak RM5,000 pada 18 November 2026 dan mengekalkan baki tersebut aktif sepanjang bulan tersebut.	**Layak** - Diperuntukkan 10,000 Peluang pada 18 November. Kekal dalam kumpulan aktif untuk cabutan harian.
Pelanggan B membuat pengeluaran pinjaman sebanyak RM10,000 pada 3 November 2026, dan mengekalkan baki aktif. Pelanggan tersebut kemudiannya dicabut sebagai pemenang harian pada 10 November 2026.	**Layak -** Diperuntukkan 20,000 Peluang pada 3 November, dan menang sebagai pemenang harian pada 10 November. Pelanggan B layak untuk menerima Ganjaran Kempen.
Pelanggan C membuat pengeluaran pinjaman sebanyak RM10,000 pada 5 November 2026, dicabut secara rawak sebagai pemenang harian pada 12 November, tetapi menyelesaikan sepenuhnya keseluruhan baki pinjaman pada 14 November.	**Layak -** Diperuntukkan 20,000 Peluang pada 5 November, dan menang sebagai pemenang harian pada 12 November. Pelanggan C layak untuk menerima Ganjaran Kempen.
Pelanggan D membuat pengeluaran pinjaman sebanyak RM10,000 pada 8 November 2026, tetapi menyelesaikan sepenuhnya pada 10 November 2026.	**Dilucutkan hak** - Diperuntukkan 20,000 Peluang pada 8 November, walau bagaimanapun, penyelesaian penuh sebelum cabutan mengakibatkan kehilangan kelayakan serta-merta.
Pelanggan E membuat pengeluaran pinjaman sebanyak RM1,000 pada 8 November 2026, pelanggan kemudiannya telah cabut dan dipilih sebagai pemenang Tempoh Promosi.	**Layak -** Diperuntukkan 2,000 Peluang pada 8 November, dan menang sebagai Pemenang Tempoh Promosi serta layak untuk menerima Ganjaran Kempen.
Pelanggan F mempunyai pengeluaran sedia ada dari September 2026 dengan	**Tidak Layak** - Pengeluaran sedia ada

	baki prinsipal tertunggak sebanyak RM5,000 pada 1 November 2026. Tidak membuat pengeluaran baharu dalam bulan November.	yang dilakukan sebelum 1 November 2026 secara ketat tidak mendapat Peluang untuk Kempen ini.
	Pelanggan G dipilih sebagai pemenang GXVersary Gold Rush, memilih pengambilan sendiri di bilik pameran, tetapi gagal mengambil jongkong emas di cawangan Habib yang dipilih dalam tempoh pegangan 2 bulan.	**Dilucutkan hak** - Pelanggan terpilih mesti mengambil ganjaran di bilik pameran dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh pemberitahuan. Ganjaran yang tidak dituntut selepas tamat tempoh pegangan akan dilucutkan hak.
	Pelanggan H memenuhi semua kriteria pengeluaran pinjaman pada 10 November 2026 tetapi disahkan sebagai pekerja sepenuh masa Bank atau memegang akaun yang ditandakan di bawah dasar-dasar risiko dan keselamatan dalaman bank.	**Tidak Layak** - Sistem menapis dan mengecualikan dengan ketat semua akaun yang dipegang kakitangan bank dan juga akaun yang disyaki disalahgunakan untuk menjalani aktiviti yang melibatkan penipuan melalui Akaun GX daripada kumpulan cabutan aktif.
	Pelanggan I memenuhi semua kriteria pengeluaran pinjaman pada 10 November 2026 tetapi tidak mengangkat dan menjawab panggilan untuk pengesahan.	**Tidak Layak** - Pelanggan terpilih mesti berjaya menjawab soalan pengesahan standard dan soalan pengesahan statutori dengan betul untuk menerima Ganjaran Kempen.

Bagaimanakah saya akan dimaklumkan sekiranya saya memenangi ganjaran kempen?	Pemberitahuan pemenang dan pengumpulan data dijalankan berdasarkan platform akses anda: • **Pengguna Aplikasi GX**: Pelanggan Terpilih yang menyertai melalui Aplikasi GX akan menerima pemberitahuan tolak dan mesej peti masuk dalam aplikasi melalui Aplikasi GX (dan/atau panggilan telefon susulan daripada Sokongan Pelanggan GXBank) untuk mendapatkan butiran penghantaran atau cawangan Habib pilihan (mengikut mana-mana yang berkenaan) serta melengkapkan pengesahan statutori dan mengumpul kebenaran privasi data rasmi. • **Bukan Pengguna Aplikasi GX**: Pelanggan Terpilih yang menyertai melalui Touch 'n Go eWallet dan tidak mempunyai Aplikasi GX akan dihubungi oleh pasukan Sokongan Pelanggan GXBank melalui panggilan telefon rasmi untuk menjalankan pengesahan identiti dan mendapatkan alamat e-mel pelanggan. GXBank seterusnya akan menghantar e-mel pemasaran rasmi ke alamat e-mel yang disahkan untuk mengumpul butiran pemenuhan (alamat penghantaran / cawangan Habib pilihan) serta kebenaran privasi data rasmi.
Bilakah saya akan menerima ganjaran kempen?	Pemenuhan Ganjaran Kempen akan dilaksanakan berdasarkan kaedah pemenuhan yang ditetapkan di bawah: • **Syiling Emas Satu (1) Gram (Penghantaran Kurier Sahaja):** Penghantaran fizikal melalui kurier akan dilaksanakan dalam tempoh pasca-kempen, paling lewat pada 31 Januari 2027 ke alamat penghantaran pilihan yang disenaraikan dalam Borang Pengumpulan Data dalam aplikasi anda. • **Pakej Kombo Ganjaran Gold Rush (Pengambilan Sendiri di Bilik Pameran Sahaja):** Pemenang akan menerima notifikasi dalam aplikasi sebaik sahaja ganjaran sedia untuk dikutip. Setelah menerima notifikasi, pemenang boleh hadir untuk mengambil ganjaran mereka di cawangan bilik pameran Habib yang dipilih. **Syarat-syarat Penting:** (i) **Pengesahan:** Semua pemenang yang dipilih mesti berjaya menjawab soalan

	pengesahan standard dan soalan pengesahan statutori melalui Aplikasi GX atau panggilan telefon Pengalaman Pelanggan (CE) sebelum penyerahan hadiah. (ii) **Tempoh Pegangan & Semakan Identiti:** Bagi pengambilan sendiri di bilik pameran, pemenang mesti mengambil ganjaran dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh pemakluman. Anda mesti hadir secara fizikal dan mengemukakan Kad Pengenalan (NRIC) fizikal asal anda dan menandatangani borang akuan penerimaan Habib semasa pengambilan. Pengambilan melalui wakil pihak ketiga adalah dilarang sama sekali, dan ganjaran yang tidak dituntut selepas tamat tempoh pegangan 2 bulan akan dilucutkan hak.
Di manakah saya boleh mendapatkan terma dan syarat kempen penuh?	Anda boleh mendapatkan terma dan syarat penuh di sini: https://www.gxbank.my/campaign-tnc
Siapakah yang boleh saya hubungi jika saya mempunyai soalan lanjut tentang kempen ini?	Untuk maklumat lanjut, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi **Sokongan Pelanggan GXBank** melalui sembang dalam Aplikasi GXBank. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi kami di +603 7498 3188 atau menghantar e-mel kepada kami di ask@gxbank.my.